

## KATA KERJA

Kata kerja ialah kata yang digunakan untuk menyatakan sesuatu perbuatan. Dalam sesebuah ayat, kata kerja berfungsi sebagai predikat. Kata kerja merupakan kata yang menjadi inti dalam frasa kerja, sama ada yang berlaku atau dilakukan. Contohnya, berjalan, makan, memakan, dimakan dan sebagainya. Kata kerja terbahagi kepada, kata kerja transitif ( Perbuatan Melampau ) dan kata kerja tak transitif ( Perbuatan tidak Melampau ). Menurut (Nik Safiah Karim et al. 2009), kata kerja sebagai satu golongan kata boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama, iaitu, kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif.

### KATA KERJA TRANSITIF

Kata Kerja Transitif ialah segala perbuatan yang dilakukan oleh pembuatnya kepada benda lain. Benda yang kena oleh perbuatan itu dipanggil penyambut (objek). Kata kerja ini biasanya mempunyai imbuhan 'me-' sama ada sebagai awalan atau sebahagian daripada imbuhan seperti mengambil, mendermakan, membacakan, menduduki, mempersilakan.

- Terdapat beberapa bentuk kata kerja transitif, iaitu:

Bentuk Kata Kerja Transitif	Contoh	Contoh ayat
Kata kerja berawalan ter-	Terlanggar, tertelan, terpijak	Ibu tertelan tulang ikan.
Kata kerja berawalan meN-	Mencuci, menendang, memandu	Adik menendang bola di padang.
Kata kerja berapitan meN...-i	Menaiki, mendekati,	Amir menaiki bas ke sekolah.
Kata kerja berapitan meN...._kan	Mengemaskan, memasukkan	Profesor Ali mengemukakan idea yang bernas.
Kata kerja berawalan memper-	Memperbuat, memperlebar	Buruh-buruh itu sedang memperlebarkan jalan raya.
Kata kerja berapitan memper....-i	Memperbaiki, mempelajari	Dia mempelajari bahasa asing.
Kata kerja berapitan memper....-kan	Memperkenalkan, mempertemukan	Dia cuba mempertemukan ibu dan anak yang sudah lama terpisah itu.

1. Contoh ayat: Ali menyepak bola.  
Mereka memancing ikan.

Berdasarkan contoh di atas, jelas perbuatan *menyepak*, *memancing* tersebut terkena kepada orang atau benda lain.

2. Contoh: Kucing itu *menangkap* seekor burung.  
Perempuan itu *menjual* sayur.  
Bapa itu sedang *menulis* surat.

Menurut Tatabahasa Dewan, kata kerja transitif ialah kata kerja yang mengandungi objek yang terdiri daripada frasa nama untuk melengkapkan maksudnya. Contoh:

Subjek	Kata Kerja Transitif	Objek
1. Kakak	memasak	kari ayam.
2. Farid	menendang	bola.
3. Sabri	menulis	surat.

**Jenis-jenis Kata Kerja Transitif**

Kata kerja transitif boleh dibahagikan kepada dua jenis:

- a) **Kata kerja transitif aktif- berfungsi dalam ayat aktif**  
Anisah *mencuci* pakaian di tepi sungai.
- b) **Kata kerja transitif pasif- berfungsi dalam ayat pasif**  
Pakaian dicuci oleh Anisah di tepi sungai.

**KATA KERJA TAK TRANSITIF**

Kata Kerja Tak Transitif ialah kata kerja yang tidak mengambil apa-apa objek. Menurut Tatabahasa Dewan, kata kerja tak transitif ialah kata kerja yang tidak memerlukan penyambut atau objek sesudahnya.

Bentuk kata kerja Tak transitif	Contoh	Contoh ayat
Kata kerja tanpa imbuhan	Duduk, mandi ,tidur	Dia asyik tidur dari tadi.
Kata kerja berawalan beR-	Berjalan, bersenam	Adik berjalan menuju ke kantin.
Kata kerja berawalan meN-	Menyanyi, menangis	Lili menyanyi sambil menari.
Kata kerja berawalan teR-	Tersenyum, termenung	Wei Mun termenung memikirkan nasib diri.
Kata kerja berapitan ber-....-an	Bersalaman, berpelukan	Mereka berpelukan sebaik saja bertemu.

### Jenis-jenis Kata Kerja Tak Transitif

#### Kata kerja tak transitif tanpa pelengkap.

- Kata kerja Tak Transitif Tanpa Pelengkap ialah kata kerja yang boleh berdiri sendiri tanpa objek atau penyambut.

Contoh ayat : *Mereka berdua asyik berbual.*

Kata kerja tak transitif ini boleh diikuti oleh unsur keterangan yang berfungsi memberi maklumat tambahan.

Contoh ayat : *Mereka berdua asyik berbual di dalam bilik.*

#### Kata kerja tak transitif berpelengkap.

- Kata kerja tak transitif berpelengkap ialah kata kerja yang mesti diikuti oleh pelengkap untuk menyempurnakan maksud ayat.
- Perbezaan di antara pelengkap dengan objek atau penyambut ialah pelengkap hadir selepas kata kerja tak transitif untuk menyempurnakan maksud ayat manakala objek atau penyambut hanya hadir selepas kata kerja transitif dan boleh dipasifkan.
- Unsur-unsur yang menjadi pelengkap ialah kata adjektif, frasa sendi nama dan kata nama.

Contoh ayat:

Kehidupannya *menjadi* semakin miskin. ( kata adjektif )

Mereka sekeluarga *tinggal* di Johor.(frasa sendi nama )

Pengemis itu tidur *berselimutkan* surat khabar. (kata nama )